JABATAN PELAJARAN PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273 Portal : www.pelajaranperak.gov.my

www.spiperak.bpi.edu.my

"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"
"PERAK SENTIASA DI PUNCAK KECEMERLANGAN"

Ruj. Kami : J.Pend. Pk.(AM) 4928/11/02 (65)
Tarikh : 27 Safar 1434
10 Januari 2013

Guru Besar
Sekolah-sekolah Rendah
Negeri Perak

Tuan/Puan,

PEMANTAUAN SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN PELAKSANAAN j-QAF NEGERI PERAK 2013

Sukacitanya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Jabatan telah merancang pemantauan berterusan program j-QAF yang memberi tumpuan kepada aspek pengurusan dan pencapaian murid khususnya aspek khatam al-Quran, bahasa Arab, penguasaan solat dan pelajaran Jawi. Pihak tuan dipohon untuk mengemaskini **Instrumen Pemantauan** selengkapnya dan **merancang serta menyenaraikan Aktiviti-aktiviti Kecemerlangan Program j-QAF** berdasarkan pencapaian Oktober 2012 di peringkat sekolah masing-masing.

3. Sukacita juga Jabatan ini menarik perhatian pihak sekolah berkaitan pencapaian program j-QAF bulan oktober tahun 2012 negeri Perak dan sasaran Kementerian Pelajaran Malaysia seperti berikut:

BIDANG	2011		SASARAN	2012			SASARAN	2013			SASARAN	2014			SASARAN	2015			SASARAN
	JUN	OKT		TOV	JUN	OKT		TOV	JUN	OKT		TOV	JUN	OKT		TOV	JUN	OKT	
Jawi - (ABC)	78.6%	81.6%	**94%**	83.1%	76.3%	85.7%	**95%**				**97%**				**98%**				**100%**
Jawi - (A)	29.8%	33.0%	**60%**	50.9%	19.8%	39.1%	**62%**				**65%**				**67%**				**70%**
Al-Quran - Boleh Baca	83.7%	89.2%	**90%**	78.0%	83.7%	89.5%	**92%**				**95%**				**97%**				**100%**
Al-Quran - Khatam	97.6%	99.8%	**100%**	96.4%	98.2%	99.6%	**100%**				**100%**				**100%**				**100%**
Bahasa Arab - (ABC)	83.2%	90.3%	**85%**	90.8%	83.0%	91.0%	**94%**				**96%**				**98%**				**100%**
Bahasa Arab - (A)	21.8%	26.6%	**30%**	41.2%	27.1%	21.3%	**35%**				**40%**				**45%**				**50%**
Wudhuk	99.5%	100.0%	**100%**	99.4%	99.7%	99.8%	**100%**				**100%**				**100%**				**100%**
Solat	89.6%	97.8%	**100%**	88.5%	92.3%	97.4%	**100%**				**100%**				**100%**				**100%**

4. Jabatan ini ingin menegaskan betapa pentingnya pihak sekolah mematuhi dasar-dasar Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pelaksanaan j-QAF dengan merancang aktiviti kecemerlangan berdasarkan **sasaran** di atas. Sila muatturun instrumen pemantauan dan analisa pencapaian di www.spiperak.bpi.edu.my (muatturun/pemantauan). Tuan juga dipohon untuk memastikan instrumen ini diisi secara **'online'** di pautan yang sama. Tuan diminta memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai pemantau agar proses pemantauan dapat berjalan dengan lancar.

5. Hanya sekolah-sekolah yang disenarai pendek oleh Jabatan akan dipantau sepanjang tahun. Semua sekolah hendaklah menyerahkan sesalinan instrumen pemantuan yang lengkap dan aktiviti-aktiviti Kecemerlangan Program j-QAF peringkat sekolah ke PPD masing-masing sebelum atau pada **28 Februari 2013**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(**HAJI MOHD IDRIS BIN HAJI RAMLI,** PMP.,AMP.)
Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Perak

s.k.

1. Pengarah
   Bahagian Pendidikan Islam,
   Kementerian Pelajaran Malaysia

2. Timbalan Pengarah
   Pengurusan Pendidikan Islam
   Bahagian Pendidikan Islam,
   Kementerian Pelajaran Malaysia

3. Pengarah
   Bahagian Pembangunan Kurikulum,
   Kementerian Pelajaran Malaysia
   (U.P.Ketua Sektor Pendidikan Islam)

4. Jemaah Nazir Sekolah Negeri Perak

5. Pegawai-Pegawai Pelajaran Daerah Negeri Perak